# PRAKTIS SPM 7

**Kertas 1**

1. Senarai berikut berkaitan parti politik di Tanah Melayu.
BUKU TEKS m.s. 172

   - Merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu.
   - Memperjuangkan kemerdekaan. melalui konsep Melayu Raya.

   Apakah parti poltik tersebut?
   **A** IMP
   **B** UMNO
   **C** Parti Negara
   **D** Kesatuan Melayu Muda

2. Rajah berikut menunjukkan usaha ke arah kerjasama poltik.
BUKU TEKS m.s. 175




   Apakah kepentingan penubuhan jawatankuasa di atas kepada perkembangan sejarah negara?
   **A** Peluang mentadbir negara
   **B** Kesepakatan kaum dicapai
   **C** Kebajikan setiap kaum diteliti
   **D** Pengagihan ekonomi yang adil

3. Senarai berikut merujuk kepada langkah ke arah berkerajaan sendiri.
BUKU TEKS m.s. 178

   - Satu sistem kabinet bayangan.
   - Pelantikan dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

   Senarai tersebut merujuk kepada
   **A** Sistem Ahli
   **B** Malayan Union
   **C** Majlis Perundangan Persekutuan
   **D** Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

4. Jadual berikut merujuk kepada Sistem Ahli.
BUKU TEKS m.s. 178

| Nama Ahli | Portfolio |
|---|---|
| E.E.C Thuraisingham | Pelajaran |
| Dato' Onn Jaafar | **X** |
| Lee Tiang Keng | Kesihatan |

   Apakah **X**?
   **A** Pertanian
   **B** Perlombongan
   **C** Hal Ehwal Luar Negeri
   **D** Hal Ehwal Dalam Negeri

5. Apakah bahasa pengantar yang dicadangkan dalam Laporan Barnes 1951?
BUKU TEKS m.s. 180
   I Bahasa Inggeris di sekolah menengah
   II Bahasa Melayu atau Inggeris di sekolah rendah
   III Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah
   IV Bahasa Cina atau Tamil di sekolah rendah dan menengah
   **A** I dan II
   **B** I dan IV
   **C** II dan III
   **D** III dan IV

6. Senarai berikut menunjukkan dasar pendidikan yang digubal di Tanah Melayu.
BUKU TEKS m.s. 181

   - Dua jenis sekolah rendah.
   - Menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai pengantar.
   - Pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil disediakan jika ada permintaan.

   Senarai tersebut merujuk kepada
   **A** Penyata Razak 1956
   **B** Laporan Barnes 1951
   **C** Laporan Fenn-Wu 1951
   **D** Ordinan Pelajaran 1952

7. Apakah laporan pelajaran yang mencadangkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah?
BUKU TEKS m.s. 183
   **A** Laporan Barnes 1951
   **B** Ordinan Pelajaran 1952
   **C** Laporan Fenn-Wu 1951
   **D** Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956




Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
LIVEWORKSHEETS

**8.** Penubuhan Independence of Malaya Party (IMP) pada tahun 1951 memperjuangkan konsep

**A** penubuhan pelbagai parti politik
**B** kerjasama kaum dalam sebuah parti
**C** kesepakatan kaum dalam pelbagai parti
**D** perpaduan dicapai tanpa mengira parti

**9.** Gambar berikut menunjukkan Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz.



Apakah sumbangan beliau?

**A** Mengasaskan Parti Perikatan
**B** Mengetuai Persidangan Kebangsaan
**C** Membentuk pakatan PUTERA-AMCJA
**D** Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan

**10.** Jadual berikut menunjukan peristiwa ke arah kemerdekaan.

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| Februari 1954 | Persidangan Kebangsaan |
| Ogos 1954 | Konvensyen Kebangsaan |

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

**A** Merintis kerjasama kaum
**B** Membentuk kerajaan berdaulat
**C** Mengukuhkan kedudukan British
**D** Mempertahankan hak istimewa peribumi

LIVEWORKSHEETS